

09 JUN 2003

Kemanusiaan-Undang-undang/I

KL TUAN RUMAH BINCANG KERELEVANAN UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN
ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Lima puluh tiga peserta dari Rantau Asia Pasifik berada di sini untuk membincangkan isu-isu mengenai Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa (IHL) berhubung konflik dunia moden masa kini.

Pengarah Kerjasama Antarabangsa Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) yang berpejabat di Geneva Dr Francois Bugnion berkata isu kerelevanan undang-undang itu sering dibangkitkan oleh pelbagai pihak terutamanya selepas tragedi 11 Sept.

"Berikutan tragedi 11 Sept, banyak persoalan dibangkitkan sama ada IHL masih lagi relevan dalam konflik persenjataan masa kini.

"Ada juga dakwaan bahawa undang-undang itu sudah ketinggalan dan tidak boleh digunakan dalam usaha dunia menentang keganasan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Seminar Asia Pasifik mengenai Meningkatkan Pematuhan Serantau Terhadap IHL di sini.

Seminar dua hari itu disertai wakil-wakil kerajaan, pengamal undang-undang dan ahli akademik dari 20 negara Asia Pasifik termasuk Malaysia.

Seminar itu akan membincangkan cara-cara meningkatkan pelbagai aspek mengenai undang-undang kemanusiaan terutamanya bagaimana melaksanakan dengan lebih baik peruntukan khusus Konvensyen Geneva 1949 bagi melindungi mangsa konflik persenjataan.

Ia juga akan memberi tumpuan kepada mengenal pasti cabaran peraturan sedia ada IHL dan bukannya untuk mewujudkan satu undang-undang baru.

Dr Bugnion berkata dalam usaha mendapatkan seberapa banyak pendapat yang mungkin, ICRC memutuskan untuk menganjur lima seminar pakar iaitu seminar hari ini di Kuala Lumpur, dua seminar yang telah diadakan di Kaherah dan Pretoria serta dua lagi di Bandar Mexico pada bulan depan dan Brussels pada September ini.

Himpunan pendapat, idea dan cadangan para pakar itu akan dimasukkan dalam satu laporan untuk dibentangkan pada Persidangan Antarabangsa ke-28 Palang Merah dan Bulan Sabit Merah pada Disember ini.

Sementara itu, Penyelaras Komunikasi Serantau ICRC Francoise Zambellini berkata Malaysia telah dipilih menjadi pusat bagi menyebarkan misi ICRC dalam menggalakkan undang-undang berkenaan.

Sebagai negara yang aman dan stabil, Malaysia juga mempunyai infrastruktur dan logistik yang baik menjadikannya lokasi terbaik sebagai pusat itu.

"Selain itu, Malaysia juga memiliki pemimpin yang berwibawa dan lantang dengan suara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dihormati di arena antarabangsa," katanya.

Dalam usahanya menggalakkan rasa hormat terhadap IHL, ICRC sentiasa mengingatkan negara-negara supaya mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan undang-undang itu dihormati dan diguna pakai dengan berkesan.

Justeru, ICRC mengendalikan banyak program untuk meningkatkan pengetahuan IHL terutamanya di kalangan angkatan tentera negara berkenaan supaya mereka mengetahui kewujudan IHL.

IHL membentuk aspek penting bagi Undang-undang Antarabangsa dan merangkumi peraturan yang, dalam masa konflik persenjataan, memohon supaya dilindungi orang yang bukan atau tidak lagi terbabit dalam permusuhan dan mengehendak kaedah dan cara peperangan.

-- BERNAMA

SNS AHH NAK